

'Generasi Y suka berbelanja'

Kuala Lumpur: Generasi hari ini terutama generasi milenium disaran melakukan penstrukturan semula kewangan secara terancang bagi persediaan persaraan dengan mengambil kira pelbagai faktor.

Ia bukan sekadar melihat jumlah pendapatan kasar bulanan tetapi menyelaraskan semula perbelanjaan tidak perlu khususnya berkaitan gaya hidup.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata antara isu membelenggu generasi Y atau mereka yang dilahirkan pada era 1980-an, 1990-an atau awal 2000 adalah kesukaran untuk meninggal-

kan tabiat berbelanja yang tidak berhemat.

"Jika ikutkan saranan pakar kewangan, kita perlu simpan 10 peratus daripada pendapatan kasar. Jadi jika gaji RM3,000 sebulan, simpanlah sekurang-kurangnya RM300 sebulan. Tetapi dengan kos dan sara hidup yang tinggi ketika ini, mungkin ada yang tak mampu simpan lebih, jadi mengapa tidak menabung mengikut kemampuan masing-masing.

"Jika misalnya mampu RM100 sebulan, itu pun dah



Dr Mohamad Fazli Sabri

memadai, yang penting perlulah konsisten bukannya bila hujung bulan (wang yang disimpan itu) terpaksa dikeluarkan semula.

"Ada antara kita yang mengaku tak ada duit, tetapi rupanya banyak perbelanjaan disalurkan untuk perkara

bukan keperluan. Misalnya menggunakan perkhidmatan internet atau penstriman langganan filem yang perlu dibayar secara bulanan, namun kerana kesibukan, ia tak ditonton pun.

"Ini antara perkara yang

kerap berlaku, apabila kita salah meletakkan keutamaan dan akhirnya duit yang ada habis begitu sahaja," katanya.

BH semalam melaporkan kaji selidik Indeks Daya Tahan Kewangan Asia-Malaysia yang diterbitkan oleh Sun Life menunjukkan hanya 18 peratus rakyat Malaysia mempunyai pelan simpanan persaraan untuk menyokong matlamat kewangan mereka.

Laporan sama turut mendedahkan, rakyat Malaysia menyenaraikan persaraan dan simpanan sebagai keutamaan kewangan kedua tertinggi, namun hanya 38 peratus yang mempunyai pelan kewangan melangkaui satu tahun ke hadapan.